

**PERASMIAN KONVENSYEN KEMISKINAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO
DEWAN TUN HUSSEIN ONN PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KL, 12
SEPTEMBER 1987**

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia; Ahli-Ahli Exco Pemuda UMNO; Dif-Dif Kehormat; Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia kerana menjemput saya ke Konvensyen Kemiskinan ini dan juga melancarkan Buku Panduan Bertindak Pergerakan ini. Adalah menjadi harapan saya semoga Konvensyen ini akan memberi manfaat kepada masyarakat serta membantu pihak Kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan di negara ini. Saudara-saudara sekalian,

2. Semasa saya membuat lawatan ke luar negeri beberapa tahun yang lalu, seorang juruhebah televisyen yang menemuramah saya telah bertanya apakah yang diusahakan oleh Malaysia bagi membasmi kemiskinan atau poverty di kalangan rakyat Malaysia. Juruhebah tersebut mempunyai anggapan rakyat yang dikategorikan sebagai miskin di negara ini adalah papa- kedana, kebuluran dan tiada bertempat tinggal seperti gambaran kemiskinan yang digemari dan disebar luas oleh media massa Barat. Apabila mereka bertanya tentang kemiskinan di Malaysia maka terbayang dalam pandangan mereka orang yang tersadai di bawah jambatan atau di tepi jalan, kotor dan tidak berpakaian yang sempurna, meminta-minta sambil mendukung anak yang buncit perut. Sebenarnya, kemiskinan di Malaysia tidaklah ditahap itu. Tidak ada siapa yang merana kerana kebuluran di Malaysia.

3. Namun demikian, kemiskinan memang wujud di Malaysia -- iaitu kemiskinan secara relatif. Apa yang dibuat ialah kita menentukan tafsir dan takrif kemiskinan mengikut pandangan para perancang ekonomi iaitu sesiapa yang pendapatannya kurang daripada sekian banyak dianggap sebagai miskin. Benar, termasuk dalam golongan miskin orang yang tidak ada pendapatan langsung dan terpaksa meminta sedekah, tetapi bilangan mereka amatlah kecil. Yang lainnya adalah miskin secara relatif iaitu miskin jika dibandingkan dengan yang kaya. Sebenarnya, ramai daripada mereka yang ditakrifkan sebagai miskin di Malaysia, tidak akan termasuk dalam golongan orang yang miskin mengikut takrif kemiskinan di kebanyakan negara-negara yang terkenal dengan kemiskinannya.

4. Apabila kita mengatakan bahawa masih terdapat 18% rakyat negara ini yang di dalam lingkungan kemiskinan, ianya bermakna bahawa pendapatan 18% penduduk-penduduk kita ini adalah dibawah garis pendapatan yang dianggap oleh kita sebagai dalam lingkungan kemiskinan. Golongan 18% ini tidaklah lapar sehingga membawa kepada maut atau tidak mendapat sebarang kemudahan asas seperti persekolahan, perubatan dan pengangkutan. Yang miskin di negara ini masih lagi boleh mengecap sedikit sebanyak kemudahan hidup yang asas, dan juga dapat mengecap sedikit sebanyak kemudahan-kemudahan yang

disediakan oleh Kerajaan.

Saudara-saudara sekalian,

5. Bermula dari Rancangan Malaysia Kedua antara tahun 1971-75 sehinggalah sekarang, konsep kemiskinan dan strategi-strategi untuk mengatasinya, telah sering dihalusi, diubahsuai dan diperbaiki dengan tujuan untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat. Sepertimana yang kita maklum, kadar kemiskinan pada keseluruhannya telah menurun dari 49.3% dalam tahun 1970 kepada 18% dalam tahun 1984. Strategi-strategi membasmi kemiskinan telah lebih ditujukan ke kawasan luar bandar, yang mana kadar kemiskinan adalah lebih tinggi. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Kerajaan telah mengabaikan sektor bandar. Kemiskinan di bandar juga diberi perhatian oleh Kerajaan.

6. Semenjak kita melancarkan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan sentiasa mengkaji kekesan program-program pembasmian kemiskinan ini. Hasil daripada kajian-kajian ini, pengubahsuaian corak dan strategi pembangunan telah dibuat dari masa ke masa. Walau bagaimanapun, ciri-ciri asas seperti pentingnya peningkatan daya pengeluaran dan pendapatan, penceburan dalam sektor moden dan aktiviti-aktiviti yang lebih produktif dan menguntungkan, pewujudan peluang-peluang pekerjaan, serta penyediaan kemudahan-kemudahan asas dan sosial untuk meningkatkan mutu kehidupan rakyat terus dikekalkan, walau apa pun perubahan strategi yang berlaku.

7. Jikalau dibandingkan peruntukan dan tindakan Kerajaan Malaysia untuk mengurangkan kadar kemiskinan di luar dan di dalam bandar, dengan peruntukan di negara-negara yang dikenali sebagai LDC's atau Less Developed Countries, jelas terbukti bahawa peruntukan dan tindakan Kerajaan kita amatlah tinggi dan tegas. Sebenarnya, jikalau negara yang miskin membelanjakan wang dan tenaga sebanyak yang kita belanjakan, kebanyakan daripada kemiskinan dapat dihapuskan. Di Malaysia, walaupun ada kejayaan tetapi masih ramai yang kekal dengan kemiskinan mereka. Apakah sebabnya yang tindakan dan usaha Kerajaan tidak begitu berhasil? Apakah kita hanya memerlukan tambahan peruntukan dan usaha untuk mencapai cita-cita kita? Atau apakah ada sesuatu yang tersalah dalam strategi kita?

8. Untuk menjawab soalan-soalan ini kita harus menganalisa sebab-sebab kenapa ada kemiskinan dan kekayaan, kenapa ada masyarakat yang miskin dan masyarakat yang kaya, kenapa ada bangsa yang miskin dan bangsa yang kaya, kenapa ada negara yang miskin dan negara yang kaya? Kita tahu ada negara yang kaya dengan sumber alam tetapi miskin, dan ada negara yang tidak ada sumber-sumber asli atau natural resources tetapi kaya. Tanpa mengetahui sebab-sebab kemiskinan berlaku, segala usaha untuk membasmi kemiskinan mutlak akan gagal. Kefahaman ini penting kerana tanpanya mungkin kita akan membuat syor-syor yang tidak berkesan dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan.

9. Kita semua telah mendengar cerita mengenai seorang peminta sedekah yang tidak diberi makanan untuk menghilangkan kelaparannya tetapi sebaliknya

diberikan kail untuk mengail ikan. Mungkin ada di antara kita yang memikirkan perbuatan ini tidak berperikemanusiaan. Tetapi kita tahu bahwa kail itu boleh menolong menghilangkan kelaparan si miskin lebih lama lagi daripada pemberian sedikit makanan untuk hari itu sahaja.

10. Demikian juga jika pemberian bantuan sahaja difikirkan mencukupi untuk mengatasi masalah kemiskinan, maka kita tidak mungkin berjaya membasmi kemiskinan. Yang sepatutnya diusahakan ialah kita hapuskan sebab-sebab yang sebenarnya kemiskinan berlaku. Memberi wang dan bekalan secara langsung bukanlah caranya untuk menghapuskan kemiskinan. Tindakan ini adalah untuk pemulihan sementara sahaja. Kemiskinan akan berulang dan akan terus berlaku.

11. Contoh yang terbaik mengenai cara membasmi kemiskinan ialah pemberian biasiswa. Kita tahu betapa ramainya anak kepada keluarga yang miskin sekarang sudah berpindah dari bawah garis kemiskinan ke atas garis kemiskinan. Jika wang sebanyak nilai biasiswa itu diberi terus kepada keluarga miskin, mereka akan keluar daripada lingkungan kemiskinan bagi satu atau dua tahun sahaja, kemudian mereka akan kembali menjadi miskin. Dengan biasiswa, penerima yang mendapat pelajaran akan dapat meningkatkan pendapatannya secara berkekalan. Biasanya penerima biasiswa akan membantu keluarga masing-masing.

12. Ini tidak bermakna bantuan secara langsung tidak diperlukan. Bekalan jalan, kelinik, sekolah, air dan letrik dan lain-lain lagi -- semuanya akan menolong dan mengurangkan belanja keluarga yang miskin. Jika infrastruktur yang dibekalkan ditaksir nilainya daripada segi pengurangan belanja keluarga-keluarga miskin, maka garis kemiskinan dapat diturunkan lagi dan bilangan yang ditafsir sebagai miskin akan menjadi lebih rendah lagi.

13. Berasaskan kepada pemberian kail dan bukannya makanan segera, Kerajaan telah cuba memperkenalkan cara pertanian moden, mencuba perladangan berkelompok, mendirikan industri kecil, menubuhkan koperasi yang memasarkan baja dan lain-lain keperluan pertanian serta lain-lain lagi. Kerajaan juga telah cuba menyusun semula kampung-kampung dan memperkenalkan cara-cara lain untuk menambahkan pendapatan.

14. Walaupun langkah-langkah Kerajaan telah berjaya mengurangkan lagi tahap kemiskinan, tetapi berbanding dengan usaha dan peruntukan yang telah dibuat, hasilnya tidaklah seperti yang diharap-harapkan.

15. Apakah masalah yang menghalang kejayaan pendekatan Kerajaan? Jika diambil contoh pemberian kail sekali lagi, hasil yang baik hanya terdapat jika penerima kail sanggup menggunakannya untuk memancing. Salah satu daripada masalah yang menyekat kejayaan sepenuhnya usaha-usaha membasmi kemiskinan ialah penerima bantuan tidak mahu atau tidak dapat menggunakan bantuan dengan berkesan. Biasanya ini disebabkan kurangnya kecekapan atau kepintaran atau kurang minat.

16. Kurang kecekapan atau kepintaran boleh diatasi dengan asuhan atau pengalaman. Setelah sesuatu dibuat berkali-kali, tidak dapat tidak, kita akan menjadi cekap. Tetapi, jikalau minat tidak ada, maka segala usaha, sistem, bantuan dan apa sahaja pertolongan, semuanya tidak akan mendatangkan apa-apa manfaat.

Saudara-saudara sekalian,

17. Dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan, analisa yang mendalam perlu dibuat berkenaan dengan sebab-sebab kejayaan tidak dicapai atau tidak tercapai sepenuhnya. Menambahkan lagi bantuan sedangkan sebabnya bukanlah kerana kurang bantuan tidak akan mendatangkan hasil yang bertambah.

18. Kerajaan memang mempunyai tanggungjawab untuk membasmi kemiskinan. Tetapi jika usaha-usaha ini diserahkan semata-mata kepada Kerajaan atau pihak lain, mungkin kejayaan tidak akan dicapai. Si miskin juga mempunyai tanggungjawab untuk memperbaiki nasibnya.

19. Sepertimana yang telah saya sebutkan pada permulaan ucapan saya, ada negara-negara yang tidak mempunyai sumber kekayaan tetapi kaya dan ada yang mempunyai sumber alam tetapi miskin. Apakah sebabnya fenomena ini berlaku? Sebabnya ialah falsafah dan sikap penduduk. Negara dan masyarakat yang bersemangat, rajin dan sanggup mencuba dan menghadapi cabaran tetap akan berjaya dan maju. Masyarakat yang hanya berharap kepada pertolongan daripada pihak lain tetap mundur walaupun buminya penuh dengan emas dan perak dan subur.

Saudara-saudara sekalian,

20. Minat Pemuda UMNO untuk memahami masalah kemiskinan dan memainkan peranan dalam mengurangkannya amatlah waras dan mencerminkan tanggungjawab di kalangan pemuda. Kerajaan mengalu-alukan sikap ini dan Kerajaan sedia meneliti pendapat dan rumusan yang akan dibuat oleh Konvensyen ini. Saya berharap perbincangan dibuat dalam suasana tenang tanpa emosi. Kesedihan terhadap kemiskinan patutlah menggerakkan kita untuk berusaha ke arah pengurangannya tetapi kesedihan tidak boleh menentukan cara-cara kita bertindak. Demikian juga perasaan kemarahan terhadap orang lain kerana tidak membuat itu atau memberi ini. Yang perlu diutamakan ialah realiti terhadap kemampuan dan sikap semua pihak untuk mengambil tindakan-tindakan yang wajar.

Saudara-saudara sekalian,

21. Saya berharap perbincangan saudara-saudara pada hari ini akan menghasilkan penemuan-penemuan yang bermanfaat dan membantu usaha-usaha Kerajaan membasmi kemiskinan dalam negara. Dengan harapan ini, saya dengan sukacita membuka Konvensyen Kemiskinan ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.